

## IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 15 HUKUM SHISHA MENURUT PANDANGAN SYARAK

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak kali ke 194 yang bersidang pada 7 Rabiulawal 1443 bersamaan 14 Oktober 2021 telah memperaku untuk menerima pakai keputusan Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam (MKI) sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Shisha Menurut Pandangan Syarak. Setelah meneliti maklumat serta bukti-bukti perubahan dan saintifik terperinci yang dikemukakan dari dalam dan luar negara mengenai kesan dan kemudharatan besar yang dihadapi akibat daripada Shisha terhadap kesihatan ummah, pembangunan ekonomi negara serta pembentukan generasi pada masa akan datang, maka mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa Shisha adalah **haram**. Oleh itu, umat Islam adalah dilarang menghisap Shisha atau menyediakan perkhidmatan menghisap atau apa apa aktiviti yang berkaitan dengan Shisha.

Mesyuarat juga menegaskan bahawa pengharaman Shisha ini adalah berdasarkan nas-nas Syarak daripada *al Quran* dan *al Hadith* serta *Kaedah Fiqhiyyah* bagi memastikan lima perkara asas bagi manusia yang terkandung dalam *Maqasid Syari'eyah* iaitu menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta dapat dipelihara sepertimana tuntutan Syarak, kerana Shisha jelas memudharatkan kesihatan, membazir dan mensia-siakan masa dan harta serta dikategorikan sebagai satu perkara buruk atau keji.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah, ayat 195: "*Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan*".

Firman Allah SWT dalam Surah al A'raf, ayat 157: "*Dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk*".

Sabda Rasulullah SAW: "*Tidak boleh mudharatkan (diri sendiri) dan memberi kemudharatan (kepada orang lain)*". (Hadith riwayat Ahmad, Malik, Ibn Majah dan al Daraqutni)

Kaedah *Usul Fiqh*:

سد النريعة

iaitu "menutup pintu kerosakan"

درء المفسد مقدم على جلب المصالح

iaitu "menolak kerosakan adalah didahulukan daripada mencari kemaslahatan"

Tarikh: 24 Jun 2022

No. fail: MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD. 9

Saya yang menjalankan amanah

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Zamri', with a long horizontal stroke extending to the right.

(Dato' Haji Zamri bin Hashim)  
Timbalan Mufti Negeri Perak